

18/11/1997

Perutusan tahniah kepada Sultan Qaboos

KUALA LUMPUR, Isnin - Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar menghantar perutusan tahniah kepada Sultan Oman, Sultan Qaboos Said sempena hari kebangsaan ke-27 negara itu.

Dalam satu perutusan serupa kepada Sultan Qaboos, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata: "Semoga hubungan mesra dan kerjasama rapat yang sedia wujud akan diperkukuh bagi kebaikan rakyat dan kerajaan kita."

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam mesejnya kepada rakan sejawatnya, Yousof Al-Alawi Abdullah berkata, beliau berharap dapat bekerjasama rapat bagi meningkatkan hubungan antara kedua-dua negara.

"Semoga kerjasama dua hala antara Malaysia dan Oman terus kukuh dan berkembang," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan Wisma Putra di sini. - Bernama

(END)